

Smile: Kemudahan modal kerja untuk IKS

Oleh Abdul Halim Yusoff

BH - 8 APR 2000

KONSORTIUM Logistik Bhd (Konsortium) menyandarkan kepada Skim Perniagaan Logistik IKS (Smile) untuk meningkatkan antara 20 hingga 30 peratus pelanggannya daripada sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Konsortium, sebuah syarikat logistik bersepadu, kini mempunyai kira-kira 120 pelanggan dalam sektor IKS.

Skim Smile, program yang dihasilkan menerusi kerjasama strategik dengan Multi-Purpose Bank Bhd menawarkan syarikat IKS dalam semua sektor, capaian kepada pinjaman untuk modal kerja dengan kadar faedah menarik.

Pengerusi Eksekutif/Presiden Konsortium, Mirzan Mahathir, berkata Skim Smile bermatlamat menjadikan IKS berdaya saing.

Konsortium akan membantu menguruskan inventori IKS bagi membolehkan mereka meningkat-

kan tempahan dan keadaan itu akhirnya akan turut meningkatkan perniagaan Konsortium.

"Menerusi Smile, IKS akan menikmati kemudahan modal kerja dengan kadar faedah tidak lebih daripada lima peratus yang ditawarkan Multi-Purpose Bank," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Multi-Purpose Bank untuk Skim Smile di Petaling Jaya, semalam.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, hadir menyaksikan perjanjian itu. Hadir sama Ketua Pengarah Eksekutif Multi-Purpose Bank Bhd; Ng Siek Chuan.

Syarat kelayakan utama untuk IKS mendapat faedah daripada skim itu adalah menjadi rakan pemiagaan Konsortium. Kadar faedah pinjaman IKS biasa adalah enam peratus. Untuk Skim Smile, Konsortium subsidiakan satu peratus.

"Ia kelihatan seperti kami terpaksa berbelanja untuk IKS, tetapi kos itu diimbangi dengan perniagaan yang kami buat dengan IKS," katanya.

Multi-Purpose Bank memperuntukkan RM20 juta untuk peringkat awal skim itu dengan pembiayaan yang ditawarkan antara RM200,000 hingga RM1.5 juta bagi setiap pelanggan. Selain mendapat kadar faedah menarik, ciri lain yang menarik dalam Skim Smile, peminjam tidak perlu menyediakan cagar.

Keadaan itu dapat dilakukan kerana bank mendapat maklumat berterusan mengenai status peminjam melalui Konsortium. Konsortium bertindak seperti pengesah kepada keadaan kewangan IKS yang menjadi rakan niaganya.

Pada majlis itu juga Konsortium turut menandatangani perjanjian jual beli dengan Volvo Malaysia Sdn Bhd (Volvo) untuk membeli 75 unit

kepala lori FM10 dan 15 unit FL7 dengan nilai keseluruhan RM22 juta.

Pembelian yang akan dibiayai menerusi dana dalam itu meningkatkan bilangan kepala lori Konsortium kepada 500 unit.

Kepala lori berkenaan akan digunakan bagi meningkatkan kecekapan operasi pengangkutan kontena di seluruh semenanjung Malaysia.

Konsortium sudah terbabit dalam perniagaan pengurusan inventori sejak 1984. Menawarkan perkhidmatan logistik menyeluruh merangkumi pengangkutan kontena, pengangkutan pukal, penyelarasan logistik, pergudangan dan penghantaran, pelepasan pelabuhan dan kastam.

Ia menguruskan dan menghantar inventori untuk pelanggan di Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina dan India.